

# Perbincangan 6 pihak senjata nuklear Korea Utara di KL

Kesemua negara memberikan sokongan kepada pengembalian semula perbincangan tersebut demi manfaat bersama

**LI ZHAOXING**  
Menteri Hal Ehwal  
Luar China

**KUALA LUMPUR** 26 Julai - China, Jepun dan Korea sepakat dengan ASEAN yang mencadangkan supaya perbincangan enam pihak bagi pemansuhan program senjata nuklear Korea Utara diadakan sempena Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN dengan rakan dialognya di sini.

Menteri Hal Ehwal Luar China, Li Zhaoxing berkata, dalam mesyuarat ASEAN+3 yang berlangsung hari ini, kesemua negara itu memberikan sokongan kepada pengembalian semula perbincangan tersebut demi manfaat bersama.

Enam negara yang terlibat dalam perbincangan itu ialah Korea Utara, Korea Selatan, Amerika Syarikat (AS), China, Jepun dan Rusia.

"Kami menghargai saluran perbincangan enam pihak yang dilihat sebagai cara terbaik bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Perbincangan enam pihak itu terhenti November tahun lalu apabila

Korea Utara menentang penahanan syarikat-syarikat yang disyaki membantu Pyongyang dalam sektor dadah dan pemalsuan oleh AS.

Menteri Luar Korea Utara, Paek Nam-sun dijadual tiba di sini Jumaat ini.

Zhaoxing berkata, setakat ini pihaknya masih tidak dapat melihat sama ada perbincangan itu akan direalisasikan dengan penyertaan Korea Utara namun beliau tidak sabar untuk bertemu dengan para pegawai negara itu.

Menurutnya, kehendak rakyat Korea Utara dan Korea Selatan adalah sama iaitu untuk menikmati keamanan dan sokongan ke atas usaha ke arahnya.

"Kami berharap, dalam semangat Piagam ASEAN, masyarakat sejagat akan menyertai usaha mencapai keamanan dan kestabilan ini demi manfaat bersama.

"Perbincangan enam pihak itu merupakan penyelesaian yang baik dan betul," tegasnya.



SYED Hamid Albar bersama (dari kiri) Timbalan Menteri Luar Rusia, Alexander Y. Alekseev, Menteri Luar Thailand, Kantathi Suphamongkon dan Perdana Menteri Timor Leste, Jose Ramos-Horta mencuba makanan Rusia pada Festival Makanan Rusia sempena ulang tahun hubungan dialog ASEAN-Rusia di Hotel Traders, Kuala Lumpur, semalam.

- Gambar AZMAN GHANI